



SIARAN MEDIA

DAKWAAN KUMPULAN AIRASIA BERHAD (“AIRASIA”) MENJUAL DATA PERIBADI PELANGGANNYA KEPADA FIRMA AMERIKA SYARIKAT

PUTRAJAYA, 14 OKTOBER 2020 (RABU) – Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah menerima penjelasan daripada Kumpulan AirAsia Berhad (“AirAsia”) mengenai laporan media berkaitan penjualan data peribadi syarikat penerbangan itu kepada firma Amerika Syarikat. Pihak Jabatan mengambil maklum bahawa tiada isu ketirisan dan penjualan data peribadi yang berlaku serta berpuas hati dengan penjelasan yang telah diberikan oleh pihak AirAsia berkaitan isu tersebut.

Sehubungan dengan itu, Jabatan ini ingin menegaskan sekali lagi bahawa perbuatan penjualan data peribadi adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 130 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] dan sekiranya disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM500,000.00 atau tiga (3) tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

**Jabatan Perlindungan Data Peribadi
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

#JomAmbilPeduli

#LindungiDataPeribadi